

15 NOV 2000

APEC-Artis

APEC BUKA PINTU DAN WAWASAN BARU KEPADA ARTIS MUDA MALAYSIA

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Nov (Bernama) -- APEC perkataan yang tidak bermakna baginya, sehingga tiga bulan lepas.

Seorang pemuda yang di pertengahan menyiapkan ijazah pertamanya dalam Seni Halus di kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Manjong, Perak, berkata beliau tidakpun berminat untuk mengetahui mengenai perkumpulan itu.

Tetapi, hari ini, tiga bulan selepas beliau memulakan usaha untuk menyiapkan arca bertema "Lampu Dinding", Muhammad Ekhsan Md Haniff, 21, dengan bangga berjabat tangan bersama hampir kesemua pemimpin 21-anggota ekonomi APEC di sidang kemuncak APEC 2000 yang sedang berlangsung sekarang di Pusat Konvensyen Antarabangsa, di sini.

Muhammad Ekhsan masih tidak percaya apabila ditemubual oleh Bernama di Pameran Artis Muda APEC yang diadakan sempena Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC (AELM).

"Saya tidak dapat percaya... saya bersalam dengan orang terkaya di dunia, Sultan Brunei, dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan presiden Filipina Joseph Estrada..." katanya dengan menambah beberapa lagi nama pemimpin yang terlintas dalam fikirannya.

Bagaimana dengan Presiden dan Perdana Menteri lain?

"Saya tidak dapat camkan mereka..." katanya dalam nada kesal kerana tidak mengambil usaha untuk camkan muka pemimpin-pemimpin itu terlebih dahulu.

"Ia peluang baik yang saya terlepas kerana saya tidak mempunyai kamera untuk mengambil gambar semasa bersalam dengan pemimpin-pemimpin itu," kata beliau.

Para pemimpin itu yang diketuai oleh Sultan Hassanah Bolkihah yang merasmikan pameran itu terlebih dahulu meluangkan masa untuk meninjau pameran itu yang disertai oleh 21 artis muda daripada Lingkaran Pasifik.

Muhammad Ekhsan, yang berasal dari Segambut berkata kini APEC telah membuka mindanya dan beliau akan mengambil kesempatan untuk turut terbabit dalam hal-hal lain selain daripada lukisan dan arca.

Beliau berkata, peluang bertemu dan bergaul dengan artis muda lain dari seluruh dunia yang mengambil bahagian adalah sangat bernilai.

Mereka bukan sahaja dapat menyampaikan satu kerja seni secara bersama dalam bentuk lukisan mural APEC menunjukkan harapan pemuda akan masa depan APEC tetapi mereka juga telah bertukar idea dan idealisme mengenai seni demi kepentingan bersama.

Berharap untuk lulus pada April 2001, Muhammad Ekhsan mahu memulakan kerjaya sebagai artis sepenuh masa dan mungkin mengadakan pameran bersama di semua negara APEC.

Beliau telahpun mendapatkan alamat kenalan barunya di kalangan artis-artis APEC.

"Lebih penting bagi saya sekarang ... APEC bermakna persahabatan dan pandangan baru terhadap kehidupan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

MNY RZS PR